

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD WAHAB  
[TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 33**

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah untuk meningkat dan menstabilkan liputan telekomunikasi dan internet di kawasan Parlimen Tanjong Manis, terutamanya di kawasan Paloh, Kedang, Berangan dan kawasan utara Pulau Bruit kerana sering menghadapi masalah terputus hubungan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan dan menstabilkan liputan telekomunikasi dan internet adalah dengan meneruskan pembinaan menara baharu, menaiktaraf menara sedia ada dan meningkatkan bilangan pelanggan kemudahan yang telah tersedia.

2. Melalui projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB), sebanyak 1,192 sambungan melibatkan 1 ibusawat telah tersedia yang menawarkan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan Parlimen Tanjong Manis. Selain itu, di bawah inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada,

sebanyak 14 buah menara komunikasi baharu telah siap dibina dan 21 buah menara sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G/4G di Parlimen Tanjung Manis.

3. Inisiatif ini merupakan tambahan kepada 23 buah menara yang dibangunkan secara komersial oleh pemberi perkhidmatan di Parlimen Tanjung Manis.

4. Daripada jumlah tersebut, satu menara komunikasi telah dibina di kawasan Paloh yang menyediakan perkhidmatan 3G kepada penduduk setempat. Di kawasan Kedang pula, terdapat satu menara komunikasi sedang dibina dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya menjelang suku pertama tahun 2020.

5. Manakala di kawasan utara Pulau Bruit pula, terdapat 8 buah menara komunikasi yang telah siap beroperasi memberikan perkhidmatan sehingga 4G kepada penduduk setempat, manakala tambahan 2 buah menara lagi dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap menjelang suku pertama tahun 2020.

6. Bagi kawasan Berangan pula, terdapat tambahan 3 buah menara yang telah dirancang oleh Sarawak Multimedia Authority (SMA) untuk dibangunkan di kawasan berkenaan. Kerajaan menyokong usaha YB mewar-warkan kepada penduduk tempatan dengan melanggan sambungan tersedia sebagai balasan agar kestabilan liputan dapat dinikmati bersama.